

Majlis penyerahan lot tanah daripada Ketua Menteri Melaka kepada etnik Kemboja.



Siapakah Etnik Kemboja di Tanjung Minyak, Melaka?

NEGERI MELAKA SEMEMANGNYA KAYA DENGAN PELBAGAI WARISAN SEJARAHNYA. HAL INI DAPAT DILIHAT DENGAN KEWUJUDAN PELBAGAI KOMUNITI ETNIKNYA YANG TERUS HIDUP DALAM SUASANA HARMONI DI MELAKA SEJAK DAHULU LAGI. KINI, MEREKA TERUS HIDUP DALAM SUASANA AMAN DAMAI, SEHINGGA MENJADI TARIKAN PARA PELAWAT DOMESTIK MAHUPUN PELANCONG ASING YANG DATANG KE MELAKA UNTUK MELIHAT KEPELBAGAIAN BUDAYA INI.

Apabila memperkatakan tentang keunikkan kepelbagaian komuniti etnik yang terdapat di Melaka, masyarakat sering membicarakan perihal kehidupan masyarakat Baba Nyonya, Chetti dan Serani Portugis. Walau bagaimanapun, tanpa disedari, wujud juga komuniti yang digelar sebagai etnik Kemboja, sebuah masyarakat yang berhijrah dari negara asal mereka, iaitu Kemboja. Etnik ini merupakan bangsa Khmer beragama Islam yang turut dikenali sebagai Melayu Champa. Demi kelangsungan hidup, etnik Kemboja berhijrah ke Malaysia akibat kesan peperangan dan kekejaman regim Khmer Rouge.

Para pelarian Cham ini mula berhijrah sekitar tahun 1975 secara berperingkat sebelum tiba di Melaka mulai tahun 1980-an. Hasil pelawaan daripada kerajaan Malaysia melalui beberapa pertubuhan kebajikan Islam, seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), sebuah kapal besar disewa bagi tujuan memindahkan pelarian Kemboja seramai 300 orang. Akhirnya, pada tahun 1975, kumpulan pertama pelarian etnik Kemboja ini selamat tiba di Kem Pengkalan Chepa, Kelantan.

Kumpulan seterusnya, yang disertai oleh Haji Taib bin Haji Ismail, Ketua Kampung Taman Seri Champa, tiba di Malaysia sekitar tahun 1979. Beberapa tahun kemudian, pelarian etnik Kemboja ini sekali lagi berhijrah ke Melak sekitar tahun 1978 hingga 1980. Di Melaka, kebanyakan mereka mendiami di beberapa kawasan di sekitar Kampung Londang, Masjid Tanah, seterusnya berpindah ke Bukit Datuk, Tanjung Minyak. Meskipun masih terdapat beberapa etnik Kemboja yang menetap di bandar-bandar lain seperti di Masjid Tanah, Serkam dan Telok Mas, namun kebanyakannya menetap di Tanjung Minyak.

Pada awalnya tanah yang diduduki mereka itu merupakan tanah pajakan bertempoh milik kerajaan Negeri. Namun, dengan kebenaran daripada kerajaan Negeri, kawasan yang diduduki mereka itu disediakan khusus untuk membina kediaman etnik Kemboja di Melaka. Apabila tempoh pajakan tamat, iaitu pada tahun 1997, penduduk di kawasan tersebut sepakat untuk membeli tanah yang diduduki mereka dan telah dipersetujui oleh kerajaan. Hal ini disebabkan oleh majoriti daripada pelarian etnik Kemboja ini telah mendapat taraf kewarganegaraan.

Tanah di kawasan tersebut dipecahkan mengikut lot, di mana setiap tanah itu mempunyai pemilik gerannya sendiri. Kini, kawasan Kampung Bukit Datuk yang turut dikenali sebagai Kampung Taman Seri Champa menempatkan 500 penduduk etnik Kemboja, sehingga digelar sebagai Kampung Kemboja.

Setelah hampir 30 tahun etnik Kemboja diterima masuk ke Malaysia, bilangan semakin meningkat saban tahun dan mendiami hampir keseluruhan Semenanjung Malaysia. Yang menariknya, ada segelintir dalam kalangan mereka turut diterima sebagai pemegang hak sebagai warganegara, sementara yang lainnya berjaya memiliki taraf penduduk tetap. Hal ini menunjukkan sifat rendah diri dan keterbukaan penerimaan rakyat tempatan dalam membantu para pelarian seagama, seterusnya mewujudkan sebuah lagi komuniti etnik berbilang kaum di Malaysia.

Dalam kehidupan masyarakat etnik Kemboja, hari Khamis merupakan hari rehat ataupun cuti. Sukar dinyatakan dengan khusus mengapakah hari tersebut dipilih sebagai hari cuti. Namun begitu, hasil dapatan maklumat secara lisan yang diperoleh daripada mereka yang merupakan peniaga, mereka

bercuti kerana pada zaman dahulu majlis perkahwinan turut diadakan pada hari Khamis. Kini, hal ini tidak lagi berlaku memandangkan undangan majlis perkahwinan hanya dilakukan pada hari cuti biasa, iaitu hari cuti pada hujung minggu.

Penulisan dan Pertuturan

Huruf Cham banyak ditulis pada monumen, candi dan beberapa arca. Penemuan di bumi Champa ini menerangkan tahap tafsiran yang tinggi bagi peradaban kerajaan Melayu. Penulisan tafsiran berbentuk naratif oleh penjajah Perancis ini bermula pada pertengahan abad ke-19. Hal ini dibuktikan dengan terhasilnya

Permit masuk ke Malaysia milik Fuad Taib, etnik Kemboja yang menetap di Melaka.

PERMILIHAN PEMERIKHAAN	
Nama	FUAD BIN TAIB TAIB
Tarikh lahir	1963
Tempat lahir	KG CHAM
Kecayatan	KHMER
Pekerjaan	BERSKOLAH
Butiri mengenai pasport/surat perjalanan	
Jenis surat	
Nombor	
Tempat di-kuasakan	
Tarikh di-kuasakan	
Nama isteri	(Jika mengiringi pemegang)



Madrasah Al-Muhajirin.

sebuah buku Perancis yang bertajuk *Bibliographie Campa et Cam* yang telah dihasilkan oleh P.B. Lafont & Po Dharma pada tahun 1989. Pada halaman 131, buku ini menunjukkan bahawa semua bidang ilmu berkaitan kerajaan Champa dikaji dan ditafsir hingga ke awal tahun 1980-an.

Di Malaysia misalnya, sejumlah besar manuskrip dalam bahasa Cham disimpan dan dikatalogkan di arkib Perpustakaan Negara dan Muzium Etnologi Dunia Melayu. Bahasa yang digunakan dalam inskripsi Champa adalah bahasa Cham dan Sanskrit. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Cham bukan sahaja bahasa lisan, bahkan merupakan bahasa bertulis. Hurufnya dikenalpasti dipinjam daripada huruf Pallava yang merupakan satu varian huruf Grantha dari Selatan India. Menjelang abad ke-15, huruf "Cham lama" digantikan dengan tulisan "Cham moden" yang digunapakai hingga ke hari ini.

Hasil daripada kajian melalui lawatan dan temubual responden beberapa tokoh dan penduduk asal etnik Kemboja di Tanjung Minyak, mereka masih mengamalkan pertuturan dalam bahasa Champa. Hal ini dapat dilihat melalui pertuturan antara sesama mereka. Walaupun pertuturan bahasa

Champa ini hanya dapat dilihat dalam kalangan golongan tua, namun yang menariknya golongan belia dan muda masih memahami apa-apa yang dituturkan oleh golongan tua, walaupun sebilangan besar daripada mereka sudah lagi tidak mampu untuk bertutur bahasa Champa dengan baik.

Pemakanan dan Pemakaian

Di Melaka, masyarakat Melayu terkenal dengan lauk asam pedas, sambal belacan dan cencaloknya, manakala masyarakat Baba Nyonya pula terkenal dengan Itik Timitik, Mee Sua Tau dan Nasi Kunyit serta kuih bakulnya, masyarakat Chetti terkenal dengan thosai dan ittalnya, dan masyarakat Serani Portugis pula terkenal dengan kari Devil, Garing-garing dan Ikan Bakar Portugisnya. Bagi etnik Kemboja, mereka memiliki persamaan dalam aspek pemakanan dengan masyarakat Melayu tempatan.

Namun begitu, seperti masyarakat lain di Melaka, etnik Kemboja turut memiliki makanan yang unik, iaitu sejenis mi yang

dikenali sebagai Mi Kemboja yang berbentuk sup. Hidangan sup dalam sajian makanan etnik Kemboja di Melaka ternyata tidak dapat dipisahkan sehinggakan menjadi menu wajib dalam setiap majlis yang diadakan. Yang membezakan Mi Kemboja ini dengan mi sup yang kita nikmati di Malaysia ialah mi ini diimport khas dari Thailand dan Kemboja kerana lebih halus dan kecil serta tidak didapati di Malaysia.

Walaupun seakan-akan sama dengan mi sup tempatan, namun cara untuk menikmatinya berbeza. Jika mi sup tempatan sering ditambah sambal kicap cili api bagi menambahkan sedikit rasa pedas, namun Mi Kemboja ini dimakan dan digaul dengan pelbagai bahan, seperti sambal sos, kekacang, sambal cili dan lain-lain. Kepelbagaian campuran bahan yang digaul dan dicampur itu menerbitkan pelbagai rasa yang berbeza berbanding dengan mi sup tempatan. Terdapat juga segelintir etnik Kemboja yang memakan Mi Kemboja ini bersama-sama dengan kuih cakoi. Selain itu, makanan popular etnik Kemboja pada waktu



Mi Kemboja menjadi makanan tradisi etnik Kemboja.


petang ialah Tong Mo. Tong Mo ini dibuat menggunakan daging dan dibakar sama seperti sate, dan dimakan bersama-sama jeruk betik.

Dari aspek pemakaian pula, etnik Kemboja memiliki persamaan dengan masyarakat Melayu tempatan. Etnik ini amat menitikberatkan aspek pemakaian dalam Islam dan menutup aurat. Golongan lelaki agak gemar memakai jubah dan baju Melayu, manakala golongan wanita pula sering bertudung dan memakai baju kurung ketika berjalan di sekitar kampung.

Adat Perkahwinan

Adat perkahwinan dalam kalangan etnik Kemboja juga memiliki persamaan dengan masyarakat Melayu tempatan. Mereka tidaklah mengamalkan adat yang khusus dalam upacara perkahwinan. Seperti orang Melayu, mereka masih mengamalkan amalan merisik, bertunang, nikah dan bersanding. Aktiviti rawang juga sering dilakukan dalam komuniti masyarakat kampung. Etnik Kemboja di Kampung Taman Seri Champa bergotong-royong untuk menyediakan juadah kenduri.

Yang menariknya, majoriti etnik Kemboja memilih pasangan mereka yang sama dalam kalangan etnik mereka sendiri. Mereka mengutamakan perkahwinan endogami, iaitu memilih pasangan daripada kaum keluarga atau



Peta kawasan yang didiami oleh masyarakat Melayu di Nusantara.

masyarakat mereka sendiri. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika kebanyakan pasangan Cham mengahwini sesama mereka, sama ada saudara mara dan orang sekampung.

Hampir 80 peratus etnik Kemboja berkahwin sesama etnik mereka sendiri, sama ada di kampung yang sama ataupun di kampung Kemboja di negeri lain di Semenanjung Malaysia. Sungguhpun kaum keluarga dan orang sekampung diutamakan, mereka sebenarnya tidaklah mengasingkan diri daripada

masyarakat lain. Yang penting bagi mereka ialah pasangan yang berkahwin mestilah sama agama iaitu Islam. Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang telah disebutkan oleh P. Taylor dalam penulisanannya bahawa orang Cham di Delta Mekong menerima baik etnik lain asalkan sesama Islam.

Selain itu, ketika majlis perkahwinan dilangsungkan, kebanyakan etnik Kemboja datang awal secara berkelompok pada awal pagi untuk makan bersama-sama pada waktu itu. Hal ini mungkin

Hidangan sup dalam sajian makanan etnik Kemboja di Melaka ternyata tidak dapat dipisahkan sehinggakan menjadi menu wajib dalam setiap majlis yang diadakan. Yang membezakan Mi Kemboja ini dengan mi sup yang kita nikmati di Malaysia ialah mi ini diimport khas dari Thailand dan Kemboja kerana lebih halus dan kecil serta tidak didapati di Malaysia.

dilakukan oleh etnik Kemboja bagi mengelakkan waktu puncak dan memudahkan jempunan luar yang lain untuk hadir menjamu selera dalam majlis tersebut. Semestinya lauk sup menjadi hidangan wajib di majlis kenduri perkahwinan etnik Kemboja.

Jika dilihat cara hidup yang diamalkan oleh etnik Kemboja di Melaka, tidaklah berbeza dengan amalan cara hidup masyarakat Melayu tempatan. Dalam catatan sejarah juga turut menyatakan dengan jelas bahawa etnik Kemboja ini juga merupakan etnik Cham dari kerajaan Champa yang memiliki kebudayaan dan hubungan yang erat dalam kalangan kerajaan di seluruh Nusantara. Orang Cham ini juga bukan sahaja beragama Islam, bahkan ada yang bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka ini merupakan orang Melayu yang tinggal di Kemboja dan Vietnam Selatan. Di Kemboja, mereka tidak dipanggil sebagai etnik Cham, tetapi etnik Khmer Islam. Begitu juga bagi di Vietnam Selatan, mereka digelar orang Islam Vietnam oleh pemerintah di Saigon.

Kegiatan Etnik Kemboja Di Melaka

Pada mulanya, sebilangan besar etnik Kemboja lebih tertumpu kepada kegiatan tradisional masyarakat Melayu, seperti bertani, menangkap ikan dan sebagainya, tetapi kini mereka didapati terlibat dalam aktiviti perniagaan. Kecenderungan etnik Kemboja untuk meningkatkan taraf hidup menyebabkan corak kegiatan ekonomi mereka turut berubah. Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan etnik Cham ataupun Kemboja ini dalam kegiatan perniagaan.

Penglibatan etnik Kemboja dalam kegiatan ekonomi berasaskan perniagaan, sama ada secara kecil-kecilan mahupun berskala besar, bukanlah merupakan suatu perkara yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana selepas keluar dari kem pelarian, ada yang bekerja dengan masyarakat tempatan sebagai pembantu kedai, terutamanya kedai pakaian dan tekstil. Menurut Haji Taib bin Ismail, Ketua Kampung Taman Seri Champa, perniagaan yang banyak diceburi etnik Kemboja ialah berniaga kain. Ketika mula berniaga, etnik Kemboja sering menjunjung kain baju dengan hanya berjalan kaki dari kampung ke kampung untuk berniaga. Apabila rezeki mula bertambah, mereka menggunakan motosikal dan seterusnya memiliki van untuk berniaga. Kini, sesetengah etnik Kemboja berjaya membuka kedai kain di beberapa bandar di Melaka.

Bidang Agama dan Pendidikan

Golongan etnik Kemboja masih menitikberatkan nilai pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka. Seperti masyarakat tempatan lain, anak-anak etnik Kemboja turut dihantar ke sekolah untuk menuntut ilmu. Melalui sifat jujur dan rajin dalam perniagaan, mereka mendapat kepercayaan pemborong Melayu dan Cina untuk memberikan pinjaman meningkatkan hasil keuntungan. Sebagai hasilnya, mereka hidup senang dan dapat menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran ke universiti. Ada juga anak muda Cham yang mendapat biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi di dalam dan luar negara.

Mereka juga turut menyandang beberapa jawatan dalam perkhidmatan awam dan swasta, termasuklah menjadi golongan professional, seperti doktor, pensyarah, akauntan dan pegawai Syariah, seperti Haji Shamsuddin Haji Yusof yang juga merupakan imam di Masjid Tun Mohd Khalil Yaakub, Tanjung Minyak, Melaka. Nilai pendidikan dalam kalangan etnik Kemboja turut tidak dapat dipisahkan dengan ajaran agama yang diamalkan mereka. Sebahagian besar etnik Kemboja di Melaka sering menghantar anak-anak muda mereka melanjutkan pelajaran di negara Timur Tengah.

Kampung Taman Seri Champa juga memiliki sebuah madrasah yang dinamakan Madrasah Al-Muhajirin. Madrasah ini telah dirasmikan oleh Haji Yasin Haji Mohd Syarif, ADUN Kawasan Tanjung Minyak pada 21 November 1990.

Penubuhan madrasah ini menunjukkan bahawa nilai agama dan pendidikan dalam kalangan etnik Kemboja sama sekali tidak dapat dipisahkan.

Sebagai kesimpulannya, kewujudan Kampung Kemboja ini sudah semestinya menjadi satu mercu tanda kejayaan etnik Kemboja mendepani cabaran hidup yang penuh dengan pancaroba. Kewujudan etnik ini di Melaka juga merupakan suatu bentuk usaha berterusan dan sikap saling membantu yang terjalin antara kerajaan negeri yang dibantu oleh masyarakat Melayu tempatan dengan golongan pelarian etnik Kemboja berketurunan Cham. Walaupun usianya melebihi tiga dekad, kewujudannya memberikan impak yang besar, khususnya kepada seluruh komuniti berbangsa Kemboja dan seluruh masyarakat di Melaka. **DB**